

12/04/1997

Dasar pragmatik beri faedah bersama

DASAR pragmatik yang diamalkan kerajaan membolehkan sektor awam dan swasta bekerjasama rapat ke arah menghasilkan faedah bersama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kerjasama dan hubungan erat antara kedua-kedua sektor terbabit jelas menjadi syarat penting yang diperlukan ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

"Malaysia terus memerlukan penyertaan syarikat multinasional (MNC) dalam pelbagai program perindustrian bagi membolehkannya mencapai status negara maju sepenuhnya," katanya dalam buku cenderamata sempena ulang tahun ke-30 operasi Matsushita Electric Company (M) Bhd (Melcom) di negara ini.

Beliau berkata, Melcom satu daripada syarikat MNC yang mengambil kesempatan melabur pada peringkat awal program perindustrian Malaysia, muncul antara penyumbang utama terhadap kejayaan Malaysia hari ini.

"Saya berharap Melcom akan membantu Malaysia dalam mempercepat pemindahan teknologinya ke negara ini, dengan menyediakan asas latihan yang diperlukan dan sumber kepakaran teknikal yang berguna," katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar di Petaling Jaya, semalam, Presiden Matsushita Electric Industrial Co Ltd, Yoichi Morishita, menyatakan penghargaan terhadap kerajaan, sektor swasta dan rakyat Malaysia di atas sokongan yang diberikan sehingga Melcom mencapai kejayaan yang ada hari ini.

Menurutnya, kejayaan Melcom di Malaysia adalah hasil usaha positif dalam pembangunan sumber manusia dan hubungan rapat dengan semua lapisan rakyat negara ini.

(END)